Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Melaksanakan Hukuman Sebat Rotan Terhadap Kesalahan Jenayah Syariah[1]

Siti Zubaidah Ismail *

Abstract

Whipping sentence is hardly imposed on shariah offenders even though its provision is clearly stated under certain offences. Some states in Malaysia have the provision in sound and clear terms but implementationwise, Kelantan is ahead of her counterparts because aggressive action, taken right after the codification of the Shariah Criminal Enactment in 1985, not only proved to be a wise step but also lead Kelantan to be an exemplary state where whipping sentence is concerned. This article elaborates the systematic implementation of the sentence by referring to the low-profile Whipping Rules of 1987 and the newly enacted Shariah Criminal Procedure Enactment 2002. It is found that other states can also put into practice the theoretical provisos and no need to shy away from Kelantan should they feel that it is timely to flog the offenders in their states.

Pendahuluan

Apabila terdapat sesuatu peruntukan undang-undang mengenai apa-apa perkara, tetapi ia tidak dilaksanakan, kewujudannya boleh dikatakan sebagai sia-sia sahaja. Dalam

---

* Pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, merangkap Ketua Unit Penyelidikan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan seorang peguam syarie bagi Wilayah Persekutuan sejak tahun 2000.

Kajian ini mendapat biaya penyelidikan vot-F Universiti Malaya 2003. Terima kasih diucapkan kepada Ketua Pengarah Penjara Malaysia dan Tuan Mat bin Yaacob

konteks hukuman sebat rotan terhadap kesalahan jenayah syariah, beberapa negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan sebagainya ada mempunyai peruntukan hukuman ini terhadap kesalahan-kesalahan tertentu. Namun begitu, ia hanya tinggal menjadi peruntukan undang-undang sahaja kerana negeri-negeri berkenaan tidak menyediakan sebarang prasarana untuk melaksanakannya. Justeru, kita dapati bahawa para hakim syarie hanya mengenakan hukuman penjara atau denda sahaja ke atas pesalah di negeri-negeri tersebut. Pada hakikatnya, peruntukan yang ada di bawah Akta/Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri berkenaan itu sudah merangkumi kaedah dan prosedur sebatan. Sehingga hari ini, Kelantan merupakan satu-satunya negeri dalam Malaysia yang melaksanakan hukuman sebat rotan terhadap pesalah yang disabitkan dengan kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang tertentu. Artikel ini akan menganalisis pengalaman Kelantan dalam pelaksanaan hukuman sebatan rotan ke atas kesalahan-kesalahan yang ada diperuntukkan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985.

Latar Belakang Mengenai Peruntukan Hukuman Sebat Dalam Undang-Undang Melayu Lama

Hukuman sebat merupakan salah satu bentuk hukuman yang telah wujud dalam pelbagai tamadun sejak zaman silam. Perundangan Islam yang wujud sejak lebih 1400 tahun dahulu juga mempunyai peruntukan hukuman sebat ini, terutamanya terhadap dua kesalahan hudud iaitu minum arak dan juga berzina. Di Tanah Melayu pada zaman lampau, terdapat bukti kewujudan peruntukan mengenainya. Bukti yang paling signifikan ialah sepertimana yang terpahat pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303 berkenaan dengan hukuman terhadap pesalah-pesalah zina. Ini difahami dari petikan berikut: "Orang berbuat bala cara laki-laki perempuan satitah Dewata Maha Raya jika merdeka bujang palu seratus rotan. Jika merdeka beristeri atau perempuan bersuami ditanam hinggakan pinggang dihambalang dengan batu matikan." Pada awal abad ke-15, Hukum Kanun Melaka yang dilaksanakan di Tanah Melayu juga mempunyai banyak peruntukan hukuman sebat terutama terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan perbuatan seksual dan moral seperti zina yang akan dikenakan sebat sebanyak seratus kali (Fasal 40), menuduh berzina sebanyak lapan puluh kali sebatan

---

Timbalan Penguasa Penjara Pengkalan Chepa serta Yang Amat Arif Dato' Aria DiRaja Haji Daud bin Muhamad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan di atas kerjasama yang diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Cik Faidatul Aini Ahmad Sabri, pembantu penyelidik yang turut sama menjayakan kajian ini.

(Fasal 12.3), liwat sebanyak dua puluh kali sebatan (Fasal 40.2), memaki orang haram *zadah* sebanyak lapan puluh kali sebatan (Fasal 41) dan meminum arak sebanyak empat puluh kali sebatan bagi yang merdeka dan dua puluh kali sebatan bagi pesalah hamba (Fasal 42). Peruntukan yang sama juga diadaptasikan ke dalam Undang-Undang Pahang sekitar tahun 1595.[2] Secara jelas, jumlah hukuman sebatan yang dikenakan adalah selari dengan hukuman Islam.

Kesalahan-Kesalahan Yang Boleh Dikenakan Hukuman Sebat Rotan Di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri

Menurut enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri, kesalahan jenayah syariah yang boleh dikenakan sebat rotan ialah kesalahan-kesalahan seksual seperti mengadakan persetubuhan luar nikah atau zina,[3] *muqaddimah* zina atau perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah,[4] perbuatan sumbang mahram atau perhubungan *muabbad* dan *ghair muabbad,*[5] pelacuran,[6] melacurkan isteri atau anak,[7] muncikari,[8] dan persetubuhan bertentangan dengan hukum

---

2 Untuk bacaan lanjut, lihat Ahmad Ibrahim (2000), *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia.* Kuala Lumpur: IKIM, hh. 481-493, Wu Min Aun (1990), *The Malaysian Legal System.* Selangor: Longman; Che Ann Ghani (1994) (terj.) *Teks Undang-undang Melayu Pertengahan Abad ke-18.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

3 Seksyen 23 Enakmen Kesalahan Jenayah Pulau Pinang 1996, seksyen 23(1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-Wilayah Persekutuan] 1997, dan seksyen 11 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

Seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dan seksyen 12 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

Seksyen 20 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 45 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992, seksyen 22 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 20 Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan] 1997.

Seksyen 23(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang, seksyen 23(1) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 21(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan] 1997.

Seksyen 47 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992, seksyen 23(2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 21(2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan] 1997 dan seksyen 72 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

Seksyen 22 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 24 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 22 Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan 1997].

tabii[9] (liwat[10] dan *musahaqah).*[11] Selain itu, kesalahan meminum minuman yang memabukkan[12] dan menyebarkan doktrin palsu[13] juga adalah antara kesalahan lain yang boleh dikenakan hukuman sebat. Selain daripada peruntukan hukuman sebat rotan terhadap pelbagai kesalahan yang diterangkan di atas, Akta/Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di negeri-negeri tersebut iaitu Wilayah Persekutuan, Pahang, Selangor, Perak dan Sabah menyediakan peruntukan tentang kaedah dan cara bagaimana hukuman sebat rotan itu hendak dijalankan. Namun begitu, sehingga kini, belum ada satu negeri pun yang melaksanakannya.[14]

Pelaksanaan Hukuman Sebat Rotan di Negeri Kelantan

(i) Kewujudan Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 telah meningkatkan peruntukan mengenai hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah. Sebelum itu, berdasarkan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa untuk menjatuhkan hukuman denda sebanyak satu ribu ringgit sahaja dan penjara tidak melebihi enam bulan. Dengan pindaan yang dibuat pada 1987 yakni dua tahun selepas Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1983 diluluskan, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif secara langsung untuk menggubal dan meluluskan kaedah pelaksanaan hukuman sebat dan ia dikenali sebagai Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987 (KHS 1987).

---

9 Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

10 Seksyen 25 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan] 1997 dan seksyen 14 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

11 Seksyen 26 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996 dan seksyen 26 Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan 1997].

12 Seksyen 24(1) Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1991 dan seksyen 25(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, 1985.

13 Seksyen 4(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 dan seksyen 4(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah [Wilayah-wilayah Persekutuan 1997].

14 Enakmen-enakmen tersebut ialah Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Johor 1997; Kanun Acara Jenayah Syariah Perak 1994; Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Sabah 1993; Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Pahang 2002; Enakmen tatacara Jenayah Syariah Selangor 2003.

Terdapat sebelas seksyen di bawah KHS 1987 ini dan lapan daripadanya merangkumi kaedah-kaedah pelaksanaan hukuman sebatan daripada penentuan tempat, tempoh, jumlah rotan, saksi sehingalah kepada peranan yang perlu dimainkan oleh pegawai perubatan. Mulai tahun 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS 2002) telah mula dikuatkuasakan di negeri Kelantan bagi menggantikan enakmen lama iaitu Enakmen Kanun Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1983. Peruntukan-peruntukan mengenai hukuman sebat rotan di dalam ETJS 2002 hampir keseluruhannya menyamai peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta/Enakmen Prosedur Jenayah Syariah lima negeri yang telah dijelaskan di atas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan di antara KHS 1987 dan ETJS 2002 dari segi peruntukan seperti yang akan dibincangkan nanti. Mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sebat di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985 ialah kesalahan zina (seksyen 11), *muqaddimah* zina (seksyen 12), liwat (seksyen 14) dan meminum minuman yang memabukkan (seksyen 25). Kesemua kesalahan ini boleh dikenakan sebanyak enam kali sebatan kecuali *muqaddimah* zina yang boleh dikenakan sebanyak tiga kali sebatan sahaja.

(ii) Pelaksanaan Hukuman Sebat Rotan: Aspek-aspek Prosedural dan Amalan di Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan

(a) Prosedur preliminari terhadap banduan yang akan disebat di penjara

Apabila seseorang pesalah dijatuhkan hukuman sebat (lazimnya bersekali dengan hukuman penjara), beliau akan dihantar kepada pihak penjara untuk menerima hukuman tersebut. Satu waran yang dinamakan "Waran Mempenjarakan Apabila Hukum Penjara atau Denda Dijatuhkan" *(Warrant of Commitment on a Sentence of Imprisonment or Fine)* akan disertakan oleh pihak mahkamah yang menjatuhkan hukuman tersebut. Pegawai penjara yang menerima waran itu bertanggungjawab memastikan dari pihak mahkamah berkenaan sama ada pihak pesalah atau pendakwa ada membuat sebarang rayuan atau ulangbicara. Setelah dipastikan bahawa rayuan atau ulangbicara tidak dibuat (lazimnya dalam tempoh 14 hari hukuman dijatuhkan), maka barulah pesalah tadi akan diuruskan untuk menjalani hukuman tersebut. Prosedur yang sama juga terpakai bagi banduan-banduan kes jenayah sivil. Sebelum tarikh dan masa ditentukan, pihak penjara juga akan menentukan senarai tukang sebat. Mereka yang ditugaskan untuk menyebat ini tidak tahu siapa yang akan mereka sebat dan para banduan juga tidak akan tahu siapa yang menyebat mereka. Tukang sebat hanya akan dipanggil dengan nombor pada hari sebatan dijalankan dan bukannya nama.

(b) Bentuk, saiz dan jumlah sebatan

Bagi kesalahan jenayah syariah, rotan yang digunakan mesti berukuran satu meter panjang dan 1 sentimeter garis pusat sahaja. Ini dijelaskan di bawah seksyen 2 KHS 1987. Di bawah seksyen 125(2) ETJS 2002 pula diterangkan bahawa panjang alat sebatan tidak melebihi 1.22 meter manakala tebalnya tidak melebihi 1.25 meter sahaja.[15] Ertinya saiz sedia ada di bawah KHS 1987 masih boleh digunakan. Proses hukuman sebat rotan juga dijalankan di penjara yang diarahkan oleh pihak Mahkamah. Di negeri Kelantan, semuanya diarahkan dilaksanakan di Penjara Pengkalan Chepa.

(c) Bila sebat rotan dilaksanakan

Seksyen 5(1) KHS 1987 menjelaskan bahawa hukuman ini tidak boleh dilaksanakan sehinggalah tamat tempoh empat belas hari daripada tarikh hukuman itu atau, jika ada rayuan, sehingga keputusan dibuat oleh Mahkamah Rayuan Syariah. Selepas tempoh tersebut, barulah hukuman sebat tersebut dikira sebagai sah dan wajar dilaksanakan Sebelum hukuman sebat dijalankan, tukang-tukang sebat yang dilantik oleh pihak penjara akan menjalani latihan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum hari sebatan. Ini bertujuan untuk memastikan yang tukang sebat memperolehi momentum dan *'stroke'* dalam pukulan dan mengelakkan daripada berlaku kesilapan pada pukulan.[16] Mengenai waktu pula, ia bergantung kepada penjara dan menurut amalan Penjara Pengkalan Chepa, biasanya banduan ini disebat di sebelah pagi kerana cuaca masih lagi belum panas.

(d) Prasarana Menyebat

Banduan yang akan disebat akan diberitahu terlebih dahulu supaya mereka boleh bersedia dan akan dibawa ke satu tempat khas untuk menjalani hukuman. Banduan akan diikat di satu struktur kayu berbentuk 'A' yang dipanggil *tripod stand* di mana kaki dan tangan akan diikat padanya. Seorang pegawai akan memegang muka dan kepala banduan untuk mengelakkannya daripada bergerak kerana ia boleh membahayakan tubuhnya sendiri apabila disebat. Ia juga agar pesalah tidak mengetahui

---

15 Peruntukan ini sama dengan yang ada di lima negeri lain. Lihat seksyen 125(2) Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 dan sebagainya.

16 Temubual dengan Koperal Sobri bin Rudzi dari Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan pada 13hb Julai 2003, jam 11.00 pagi.

dan melihat siapakah yang menjadi tukang sebatnya.[17] Berlainan dengan pesalah sivil yang akan diarahkan membuka baju dan hanya dibenarkan memakai cawat untuk melindungi kemaluannya, pesalah syariah dibenarkan memakai baju nipis serta menutup aurat seperti yang dikehendaki oleh Hukum Syarak. Ini diperuntukkan oleh seksyen 9 KHS 1987. Menurut seksyen 7 pula, pukulan sebat hendaklah dikenakan di merata-rata anggota tubuh termasuk belakang dan punggung. Bagaimanapun, anggota-anggota seperti muka, kepala, dada dan kemaluan tidak boleh disebat. Lazimnya pukulan dikenakan ke bahagian punggung tetapi dengan kekuatan yang berbeza. Kawasan punggung akan didedahkan. Kawasan di atas punggung dan di bawah kawasan sebatan itu akan dilindungi dengan penebat berbentuk bantal untuk mengelak dari terkena sebatan. Tukang sebat akan menghayun rotan dan membalun pesalah secara sederhana sahaja seperti yang dijelaskan oleh seksyen 8 yang menggariskan bahawa pukulan sebat hendaklah dengan cara yang sederhana, di mana tukang sebat tidak boleh mengangkat rotan hingga sampai ke paras kepala. Sebaliknya, dia mesti menghayun sebat seolah-olah dalam keadaan mengepit al-Quran di bawah ketiak dan hayunan dibuat dengan tidak menjatuhkan al-Quran tadi.[18]

Timbalan Penguasa Penjara yang bertugas akan menghitung bilangan sebat rotan sebelum ia dijalankan. Apabila beliau membilang "satu" bererti hayunan ke badan pesalah telah dikira, walaupun ia terbabas atau tidak menepati sasaran. Jika hayunan yang dibuat itu mengena bahagian lain selain punggung, maka ia tetap dikira satu sebatan. Hal ini boleh dielakkan jika tukang sebat itu seorang yang mahir dan betul-betul bersedia.

(e) Kehadiran Pegawai

Ketika hukuman sebat hendak dilaksanakan, pegawai yang menjaga dan pegawai perubatan yang diiktiraf hendaklah hadir sama. Pegawai perubatan bertanggungjawab memeriksa tahap kesihatan dan mengesahkan yang banduan layak untuk menjalani hukuman rotan. Ini diperuntukkan oleh seksyen 10 (1). Selepas hukuman dilaksanakan, pegawai perubatan sekali lagi akan membuat laporan mengenai keadaan banduan dan kecederaan yang dialami olehnya seperti melaporkan bahawa kecederaan adalah seimbang dengan jumlah sebatan dan sebagainya. Lazimnya banduan yang

---

[17] Ini penting agar mereka tidak mempunyai sebarang perasaan dendam dan marah terhadap petugas yang mungkin mereka akan temui sepanjang berada di penjara. Maklumat hasil temubual dengan Koperal Sobri bin Rudzi dari Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan pada 13hb Julai 2003 pada jam 11.00 pagi.

[18] *Ibid.*

dirotan akan mengalami pendarahan pada punggung akibat hentaman rotan pada bahagian tersebut. Pegawai perubatan akan memeriksa luka dan mengesahkan bahawa pukulan seterusnya boleh dikenakan atau patut diberhentikan terutama jika pesalah itu pengsan atau mengalami tekanan darah tinggi. Selepas selesai pukulan, bahagian itu akan terus dirawat agar kesakitan dapat dikurangkan.

Jika pukulan sebat tidak dapat dijalankan sebahagian daripadanya atau semua sekali, maka pesalah hendaklah ditahan atau dibebaskan dengan jaminan sehingga mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu menyemak semula laporan pegawai perubatan yang memeriksa pesalah itu dan mahkamah boleh menimbangkan sama ada menunggu sehingga pesalah itu sembuh untuk dilaksanakan baki hukuman sebatan tadi.

Selain daripada pegawai perubatan dan pegawai-pegawai penjara, kadang-kala pelaksanaan hukuman sebat rotan ini turut disaksikan oleh hakim dan pendaftar mahkamah serta pihak lain yang dibenar atau dijemput untuk menyaksikannya. Ini dijelaskan oleh seksyen 4 di mana pelaksanaan sebat hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya empat orang lelaki Islam. Keadaan ini sebenarnya sudah menepati kehendak Syarak sepertimana yang dijelaskan dalam Surah al-Nūr, ayat 2 yang menggalakkan agar pelaksanaan hukuman sebatan (bagi pesalah zina) disaksikan oleh sekumpulan orang. Maksud ayat tersebut adalah seperti berikut:

> *Dan hendaklah pelaksanaan hukuman mereka berdua (yakni penzina) disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.*
>
> (Terjemahan Surah al-Nūr (24): 2)

Dalam konteks ini, jika pihak berkuasa ingin agar ia disaksikan oleh khalayak yang lebih ramai juga, maka bolehlah pelaksanaan hukuman ini disiarkan secara langsung dengan menggunakan kamera video serta layar besar diletakkan di tempat awam bagi membolehkan orang ramai menyaksikannya.

(f) Banduan yang tidak layak disebat rotan

Jika pemeriksaan kesihatan sebelum banduan disebat mendapati dan disahkan bahawa beliau tidak layak untuk menjalani hukuman itu seperti mengidap penyakit yang kronik, pihak penjara boleh memaklumkan laporan kesihatan itu kepada mahkamah berkenaan agar hukuman itu ditukar kepada hukuman lain yang dianggap sesuai. Lazimnya ialah tempoh pemenjaraan ditambah sebagai ganti kepada hukuman sebat yang tidak dapat dilaksanakan. Ini bersesuaian dengan kehendak seksyen 11 KHS 1987.

(g) Wanita tidak disebat

Walau bagaimanapun KHS 1987 tidak menjelaskan sama ada pesalah wanita boleh disebat atau tidak. Akan tetapi beberapa seksyen di bawah ETJS 2002 dan dinegeri-negeri lain memperuntukkan perihal berikut mengenai pesalah wanita. Seksyen 125(3)(b) menjelaskan:

> *Jika pesalah sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak atau keguguran, mengikut mana-mana yang berkenaan.*

Seksyen 125(3)(i) pula menetapkan:

> *Jika pesalah itu lelaki, sebatan hendaklah dikenakan dalam keadaan dia berdiri, dan jika pesalah itu perempuan, dalam keadaan dia duduk.*

Sungguhpun demikian, seksyen 289 Kanun Acara Jenayah tidak membenarkan pesalah wanita atau lelaki yang berusia 50 tahun ke atas disebat rotan. Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah juga tidak boleh menjatuhkan hukuman sebat ke atas wanita atau lelaki tua berusia 50 tahun ke atas yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang membolehkan hukuman sebat dijatuhkan. Jika berlaku juga, hukuman itu akan diabaikan kerana ia dengan jelas bertentangan dengan undang-undang Persekutuan walaupun ia tidak bertentangan dengan Syarak.

Kesimpulan

Daripada perbincangan yang telah dikemukakan mengenai pengalaman negeri Kelantan melaksanakan hukuman sebat rotan ke atas pesalah jenayah syariah, didapati bahawa tiada sebarang masalah yang dihadapi dari aspek amalan dan persediaannya. Kerjasama yang memuaskan diperolehi daripada pihak Penjara Pengkalan Chepa yang cukup bersedia untuk melaksanakan hukuman tersebut pada bila-bila masa yang diarahkan. Ini menunjukkan bahawa, hanya dengan ada peraturan yang jelas dan sistematik, barulah ia dapat dilaksanakan sama sepereti hukuman-hukuman yang lain juga. Oleh yang demikian, amat wajar bagi negeri-negeri yang sudah mempunyai peruntukan hukuman sebat bagi kesalahan-kesalahan tertentu, mula memikirkan untuk mempraktikkannya seperti yang dilaksanakan oleh negeri Kelantan. Jika selama ini terdapat suara-suara yang mempertikaikan keberkesanan hukuman (denda maksimum RM5000 atau tiga tahun penjara) yang dijatuhkan oleh mahkamah syariah serta tahap kegerunan anggota masyarakat yang rendah terhadap hukuman-hukuman tersebut,

pelaksanaan hukuman sebat ini mungkin mampu mengubah persepsi demikian, lebih-lebih lagi apabila proses sebatan itu dipamerkan kepada khalayak ramai. Mungkin dengan terlaksananya hukuman ini, kegiatan maksiat sedikit sebanyak juga dapat dibendung.